

PTPTN sambut baik potong gaji

Sinar
24/6/2015
mls 9

■ **NORMAWATI ADNAN**

IPOH - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyambut baik saranan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Dr Ali Hamsa untuk mengenakan potongan gaji sebagai jalan terakhir kepada penjawat awam yang liat membayar pinjaman.

Pengerusinya, Datuk Shamsul Anuar Nasarah berkata, setakat ini, belum ada perbincangan dengan PTPTN, namun pihaknya positif dengan usaha diambil KSN yang mahu mengadakan mesyuarat

bersama ketua setiausaha di setiap kementerian bagi membincangkan masalah itu.

Menurutnya, walaupun syor sedemikian belum diwajibkan, namun dalam tempoh ini sudah ada sebahagian penjawat awam menerima pembiayaan membuat bayaran balik melalui potongan gaji.

"Kita memang harap penerima pembiayaan ini dapat memulangkan semula pinjaman kerana sehingga 30 April 2014, RM4.6 bilion masih tidak berjaya dikutip di kalangan lebih 582,000 peminjam, jadi apabila KSN cadang buat

potongan gaji, kita sambut baik saranan itu dan bersedia untuk memulakan perbincangan.

"Saya percaya ini dilakukan bagi memastikan kewangan PTPTN stabil dan boleh terus beri pinjaman kepada pelajar terutama pelajar baharu," katanya ketika ditemui pada Majlis Jelajah Ramadan RTM bersama PTPTN, kelmarin.

Dilaporkan, lebih 33,000 penjawat awam termasuk penyandang pelbagai jawatan kanan tidak pernah membayar pinjaman PTPTN mereka.

Jumlah itu dilaporkan mewakili 12 peratus daripada ke-

seluruhan lebih 280,000 kakitangan kerajaan yang membuat pinjaman PTPTN.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan, selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada Oktober tahun lalu, 137,000 nama peminjam dihantar ke Bank Negara untuk disenarai ke dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit (CCRIS).

Katanya, peminjam dalam kelompok tidak pernah buat bayaran balik selama tiga tahun iaitu bagi tempoh 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2014 dengan wang terkumpul kira-kira RM1.3 bilion.



Shamsul Anuar (tengah) bersama sebahagian daripada 85 anak yatim daripada tiga pertubuhan sekitar Ipoh yang diraikan dalam Jelajah Ramadan RTM bersama PTPTN, kelmarin.